

## Analisis Keperluan Pembangunan Bahan Bacaan dengan Tahap Kebolehbacaan Murid B40 Sekolah Rendah

*(Needs Analysis for the Development of Reading Materials with Appropriate Readability Levels for B40 Primary School Pupils)*

Marmi Mariana Zakaria<sup>1</sup>, Dahlia Janan<sup>2\*</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia.

Email: marmi.mariana04@gmail.com

<sup>2</sup>Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia.

Email: dahlia@fbk.upsi.edu.my

### CORRESPONDING AUTHOR (\*):

Dahlia Janan  
(dahlia@fbk.upsi.edu.my)

### KATA KUNCI:

Kebolehbacaan  
Bahan Bacaan  
Bottom 40 (B40)  
Analisis Keperluan  
Sekolah Rendah

### KEYWORDS:

Readability  
Reading Materials  
Bottom 40 (B40)  
Needs Analysis  
Primary School

### CITATION:

Marmi Mariana Zakaria & Dahlia Janan. (2026). Analisis Keperluan Pembangunan Bahan Bacaan dengan Tahap Kebolehbacaan Murid B40 Sekolah Rendah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 11(3), e003752. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v11i3.3752>

### ABSTRAK

Analisis keperluan ini bertujuan mengenal pasti keperluan pembangunan bahan bacaan dengan indeks kebolehbacaan yang sesuai dengan tahap Murid B40 Sekolah Rendah. Bahan bacaan dengan indeks kebolehbacaan yang sesuai penting bagi memastikan murid memahami kandungan teks secara menyeluruh. Kajian ini mengadaptasi pendekatan Design and Development Research (DDR) menerusi kaedah penyelidikan kualitatif. Lima orang pakar dipilih secara pensampelan bertujuan dan ditemu bual menggunakan pendekatan temu bual separa berstruktur. Dapatan temu bual dianalisis secara tematik berbantuan perisian ATLAS.ti 24. Dapatan menunjukkan terdapat kekurangan bahan bacaan dengan tahap kebolehbacaan yang sesuai, wujud ketidakseimbangan akses dan jurang pemilikan bahan bacaan antara murid B40 dan bukan B40. Dapatan ini turut memperlihatkan keperluan pembangunan bahan bacaan mengambil kira aspek kebolehbacaan yang meliputi tahap kebolehbacaan, ilustrasi, legibiliti, kosa kata dan struktur ayat. Pembangunan bahan bacaan dengan tahap kebolehbacaan yang sesuai dengan murid B40 ini diharap dapat memberi manfaat dalam menyokong proses pembelajaran membaca dan membantu perkembangan literasi murid B40. Implikasinya, kajian ini membuka ruang kepada pihak berkepentingan untuk membangunkan bahan bacaan dengan tahap kebolehbacaan yang sesuai kepada pembaca sasaran khususnya murid sekolah rendah dalam golongan sosioekonomi B40.

### ABSTRACT

This needs analysis study aims to identify the requirements for developing reading materials with readability indices that are appropriate for B40 primary school pupils.

Appropriate readability levels are essential to ensure effective text comprehension and meaningful engagement with reading content. The study adopts the Design and Development Research (DDR) approach and employs qualitative research methods. Five experts were selected through purposive sampling and interviewed using a semi-structured interview approach. The interview data were analysed thematically using ATLAS.ti 24 software. The findings indicate a limited availability of reading materials with appropriate readability levels, as well as disparities in access to and ownership of reading resources between B40 and non-B40 pupils. The results further highlight the need to develop reading materials that incorporate key readability dimensions, including readability level, illustration support, legibility, vocabulary, and sentence structure. The development of readability appropriate materials is expected to enhance reading instruction and support literacy development among B40 pupils. The implications of this study provide direction for stakeholders in designing and developing targeted reading materials that align with learners' readability needs, particularly among primary school pupils from B40 socioeconomic backgrounds.

**Sumbangan/Keaslian:** Sumbangan utama kajian ini adalah mendapati bahawa terdapat keperluan pembangunan bahan bacaan dengan tahap kebolehbacaan yang sesuai dengan murid B40 sekolah rendah bagi merapatkan jurang literasi bacaan dalam kalangan murid B40.

## 1. Pengenalan

Pendedahan awal dan berterusan kepada bahan bacaan yang berkualiti memainkan peranan penting dalam pembangunan literasi murid sekolah rendah, khususnya dalam membina pengetahuan sedia ada murid. Perkembangan membaca berkait rapat dengan bahan bacaan sama ada disediakan di sekolah mahupun di luar sekolah (Rokhmansyah et al., 2021). Bahan bacaan yang tepat mengikut darajahnya penting bagi menjamin penguasaan yang maksimum terhadap ilmu yang terkandung di dalamnya (Cassidy et al., 2016; Lori D. Patton et al., 2016).

Kebolehbacaan berkait rapat dengan tahap kebolehfahaman teks bacaan dan penerimaan pembaca terhadap ciri-ciri linguistik yang digunakan (Mohamad Faris Ismail & Nik Mohd Rahimi Nik Yussof, 2024). Bahan bacaan dengan indeks kebolehbacaan yang sesuai dengan tahap pembaca berupaya meningkatkan kefahaman membaca. Variasi dan jenis bahan bacaan turut mempengaruhi minat murid untuk mengikuti pelajaran (Hendra Adipta et al., 2016). Semakin berkualiti sesebuah bahan bacaan, semakin tinggi pemahaman murid terhadap bahan bacaan tersebut (Rokhmansyah et al., 2021). Kebolehbacaan memainkan peranan penting dalam menyesuaikan pembaca dengan aras kesukaran teks (An-Vinh Luong et al., 2020).

Kualiti bahan bacaan memerlukan perhatian dan penyelesaian yang khusus (Rokhmansyah et al., 2021). Murid daripada keluarga berpendapatan rendah cenderung berhadapan kekangan dari segi akses bahan bacaan yang sesuai, persekitaran literasi di

rumah serta sokongan pembelajaran awal seterusnya menyumbang kepada jurang pencapaian literasi yang berpanjangan (OECD 2023; Kim et al., 2021). Keadaan ini menjadi serius apabila bahan bacaan yang digunakan dalam proses pembelajaran tidak mengambil kira tahap kebolehbacaan murid, terutamanya dalam kalangan murid B40. Oleh itu, analisis keperluan ini bertujuan mengenal pasti keperluan pembangunan bahan bacaan dengan tahap kebolehbacaan yang sesuai dengan murid B40 sekolah rendah.

### **1.1. Permasalahan Kajian**

Aras kesukaran bahan bacaan terlalu tinggi dan tidak sesuai dengan pembaca menjadi masalah utama dalam bidang kebolehbacaan. Jayaganes Balanadam dan Khairul Azhar Jamaluddin (2021) menekankan bahawa bahan bacaan yang tidak sejajar dengan tahap kebolehan murid adalah punca kelemahan penguasaan membaca dalam kalangan murid sekolah rendah. Kesukaran membaca berkait rapat dengan keupayaan pembaca. Jika individu sukar memahami bahan bacaan bermakna individu tersebut tidak mempunyai skema dalam bahan bacaan.

Guru menghadapi kekangan dari segi kekurangan bahan bantu mengajar yang sesuai dengan objektif pembelajaran Bahasa Melayu (Chong et al., 2022; Muhammad Firdaus et al., 2025). Pernyataan ini berpadanan dengan kajian Tamam Timbang et al., (2011) mendapati terdapat bahan bacaan yang tidak bersesuaian dengan tahap membaca. Schmitt, N. dan Schmitt, D. (2020) pula menegaskan bahawa teks yang mengandungi kosa kata kompleks, struktur ayat yang panjang dan kepadatan maklumat yang tinggi meningkatkan beban kognitif murid sekali gus menjejaskan kefahaman bacaan.

Jurang sosioekonomi jelas dapat dilihat dalam pelbagai indikator Pendidikan (United Nations Department of Economic and Social Affairs, 2025). Laporan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menunjukkan bahawa jurang pencapaian literasi masih wujud dalam kalangan murid B40 di Malaysia (KPM, 2021). Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melaporkan bahawa lebih 175,000 murid sekolah rendah masih tidak mahir membaca. Laporan KPM ini menunjukkan terdapat keperluan intervensi melalui penyediaan bahan bacaan yang berkualiti dan sesuai dengan tahap kebolehbacaan dengan murid.

### **1.2. Objektif Kajian**

Secara khususnya, kajian ini bertujuan mencapai objektif berikut;

- i. Mengetahui keperluan pembangunan bahan bacaan dengan tahap kebolehbacaan yang sesuai untuk murid B40.

Berdasarkan objektif yang dibentuk, soalan kajian adalah seperti berikut:

- i. Apakah pandangan pakar terhadap keperluan pembangunan bahan bacaan dengan tahap kebolehbacaan yang sesuai untuk murid B40?

## **2. Sorotan Literatur**

Kebolehbacaan bukan sahaja melibatkan aspek linguistik seperti panjang ayat dan kesukaran kosa kata, tetapi juga mencakupi dimensi kognitif dan konteks pembaca seperti latar belakang pengetahuan, tahap pendidikan dan umur pembaca (Janan & Wray, 2014). Kajian oleh Nur Anis Syafiq Zulkefli et al., (2024), menilai kebolehbacaan bahan bacaan Bahasa Melayu dalam kalangan murid menunjukkan bahawa kelemahan

berbahasa Melayu dikaitkan dengan tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang tidak sesuai dengan latar belakang dan pengalaman mereka. Kajian ini menunjukkan kepentingan penyediaan bahan bacaan yang sesuai dengan tahap kebolehbacaan dan konteks budaya murid.

Menurut Zulazhan et al. (2017), sesebuah teks yang dipilih sebagai bahan bacaan perlulah berada pada tahap yang sepadan dengan tahap kebolehan membaca murid. Teori Skemata diasaskan oleh Bartlett (1932) dan dikembangkan oleh Anderson dan Pearson (1984), menegaskan bahawa proses pemahaman bacaan bergantung kepada pengetahuan sedia ada pembaca. Apabila maklumat dalam teks sesuai dengan skemata yang dimiliki murid, maka pemahaman menjadi lebih lancar dan berkesan (Anderson & Pearson, 1984; Carrell & Eisterhold, 1983).

Komuniti berpendapatan rendah merupakan kumpulan yang diberikan keutamaan dalam mencapai kemiskinan sifar dalam pelbagai dimensi menjelang tahun 2030 (United Nations, 2016; World Bank, 2017). Kajian oleh Wang et al., (2022) menyatakan bahawa 53% kanak-kanak di negara berpendapatan rendah dan sederhana tidak dapat membaca dengan baik pada usia 10 hingga 12 tahun. Malaysia sebagai negara sedang membangun turut berdepan dengan krisis pembelajaran ini yang digelar sebagai Kemiskinan Pembelajaran (Learning Poverty), iaitu keadaan kanak-kanak tidak mampu membaca dan memahami teks asas walaupun telah mencapai usia 10 tahun.

### 3. Metod Kajian

Penyelidikan ini mengadaptasi pendekatan DDR yang dicadangkan oleh Richey dan Klein (2007), iaitu penyelidikan yang menekankan proses pembangunan produk pendidikan secara sistematik dan berasaskan kajian yang empirikal. Analisis keperluan bertujuan mengenal pasti keperluan terhadap model, modul, kerangka atau sebarang inovasi yang dibina Saedah Siraj et al. (2020). Dalam konteks penyelidikan ini, analisis keperluan dilaksanakan untuk mengenal pasti keperluan pembangunan bahan bacaan dengan tahap kebolehbacaan yang sesuai dengan murid.

Analisis keperluan ini menggunakan pendekatan kualitatif menerusi temu bual separa struktur. Dalam fasa ini, penyelidik menjalankan temu bual pakar bagi mengenal pasti keperluan sebenar pembangunan bahan bacaan bergred untuk murid B40 sekolah rendah. Menurut Saedah Siraj et al. (2020), analisis keperluan boleh dilaksanakan menggunakan pelbagai teknik atau kaedah bagi mengenal pasti apakah keperluan membina sesuatu inovasi baharu yang telah dicadangkan dalam kajian.

Lima orang pakar dipilih melalui teknik pensampelan bertujuan. Pemilihan jumlah pakar adalah selaras dengan cadangan Guest, Namey dan Chen (2020) yang menyatakan bahawa ketepatan tema dalam temu bual kualitatif lazimnya dapat dicapai dalam lingkungan empat hingga enam orang responden apabila kumpulan tersebut homogen dari segi kepakaran. Protokol temu bual dalam kajian ini telah melalui kesahan kandungan oleh pakar bagi memastikan item yang dibangunkan adalah jelas, relevan dan selari dengan fokus kajian. Temu bual telah dilaksanakan secara bersemuka dan dalam talian melalui Google Meet melibatkan lima orang responden. Tiga orang responden ditemu bual secara bersemuka, manakala dua orang lagi ditemu bual secara dalam talian. Temu Bual secara bersemuka direkodkan menggunakan rakaman video dan temu bual secara dalam talian direkodkan melalui rakaman paparan skrin (screen recording). Dapatan temu bual ditranskripsikan secara verbatim dan dianalisis secara tematik


menggunakan perisian ATLAS.ti versi 24 bagi menyokong proses pengekodan dan pengkategorian mengikut tema.

Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikut kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

#### 4. Hasil Kajian

Dapatan kajian ini menghuraikan kecenderungan pandangan pakar terhadap keperluan pembangunan bahan bacaan berdasarkan tema utama yang dikenal pasti.

Rajah 1: Kecenderungan pandangan pakar terhadap keperluan pembangunan bahan bacaan



Rajah 1 menunjukkan paparan Sankey Diagram yang menunjukkan aliran kecenderungan pandangan pakar terhadap tema analisis keperluan pembangunan bahan bacaan dengan tahap kebolehbacaan yang sesuai dengan murid B40 sekolah rendah.

##### 4.1 Kekurangan Bahan Bacaan di Pusat Sumber Sekolah

Dapatan temu bual bersama pakar menunjukkan bahawa terdapat kekurangan bahan bacaan di Pusat Sumber Sekolah (PSS). Kekurangan bahan bacaan ini dinyatakan dari sudut nisbah buku kepada murid yang memberi gambaran bahawa kapasiti pusat sumber tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan bacaan setiap murid. Menurut Pakar:

*"...sepatutnya seorang murid tu nisbahnya dengan 22 buah buku... setakat yang saya pernah menjaga Pusat Sumber, satu murid 22 buku tu tak dapat dicapai..." [Pakar 3]*

Dapatan menunjukkan bahawa PSS belum berupaya menyediakan kuantiti bahan bacaan mengikut standard minimum yang disarankan. Dapatan ini menyokong penyelidikan yang menunjukkan bahawa sekolah menghadapi cabaran sumber bahan bacaan yang tidak mencukupi, koleksi buku yang ketinggalan zaman dan akses terhadap bahan bacaan yang sesuai dengan umur murid (First Book Research & Insight, 2023; Makhroji et al., 2023; Paton-Ash & Wilmot, 2015; Reese et al., 2010). Kajian Shafie et al., (2013) turut menyatakan koleksi bahan bacaan yang terdapat di PSS adalah bahan yang lama yang tidak dikemaskini mengikut peredaran, keperluan dan kehendak semasa.

#### 4.2. Kekurangan bahan bacaan bergred

Bahan bacaan bergred dibangunkan bagi membolehkan murid menguasai asas bacaan secara berperingkat. Namun demikian, dapatan menunjukkan bahawa terdapat bahan bacaan yang tidak mengikut gred di pasaran. Menurut Pakar:

*"Banyak buku cerita di pasaran tak ikut gred... Murid Tahun 2 pun kadang-kadang kena baca bahan yang terlalu panjang dan tak sesuai langsung dengan tahap mereka." [Pakar 5]*

Pakar 5 menyatakan bahawa bahan bacaan sedia ada di pasaran tidak mengikut gred tidak disusun mengikut tahap kebolehbacaan murid. Kesannya, murid terdedah kepada bahan bacaan yang tidak sesuai dengan peringkat usia mereka. Kekurangan bahan bacaan ini merupakan satu cabaran dalam menggalakkan budaya membaca, terutamanya dalam kalangan murid sekolah rendah (Anggraini et al., 2025; Makhroji et al., 2023). Pakar mencadangkan:

*"Bahan bacaan kena mula dari ayat dan kosa kata yang mudah... kemudian bertingkat secara perlahan-lahan." [Pakar 4]*

*"Biar siri tu bertambah susah sikit demi sikit. Kosa kata bertambah, ayat makin panjang." [Pakar 5]*

Pakar 4 menyatakan bahawa pembangunan bahan bacaan bergred mestilah mengambil kira tahap kesukaran dari aspek kosa kata dan ayat. Pandangan ini disokong oleh Pakar 5 yang menyatakan bahawa bahan bacaan bersiri perlu dirancang dengan tahap kesukaran yang meningkat secara sistematik dan berperingkat. Pendekatan bertahap ini sejajar dengan prinsip penggubalan bahan bergred yang mengikut kebolehan sebenar murid serta menyokong perkembangan kemahiran membaca mereka secara sistematik.

#### 4.3. Jurang Pemilikan Buku

Kekangan akses bahan bacaan menghadkan peluang murid terdedah kepada kosa kata baharu, struktur bahasa bertulis dan pengalaman membaca berulang yang merupakan elemen penting dalam pembinaan kemahiran literasi awal. Dapatan ini menunjukkan faktor sosioekonomi menghadkan pemilikan buku cerita dalam kalangan murid B40. Menurut pakar:

*"Murid B40 ramai yang tak ada buku cerita sendiri di rumah..." [Pakar 2]*

*“Kalau balik rumah memang tak ada buku pun kat rumah kecuali ada alternatif dia sendiri mengunjungi perpustakaan...” [Pakar 3]*

Pernyataan ini menunjukkan bahawa akses bahan bacaan bagi murid B40, terutamanya buku cerita adalah terhad. Dapatan ini menyokong kajian Tessa Tyler Todd (2021) yang mendapati bahawa 1 daripada 11 kanak-kanak yang membesar tanpa sebarang buku di rumah. Kekurangan akses bahan bacaan ini membawa kepada perbezaan yang ketara dalam prestasi pembelajaran antara murid daripada keluarga yang berpendapatan rendah dan sederhana (Richard L. Allington & Anne M. McGill-Franzen, 2021). Kanak-kanak daripada keluarga berpendapatan rendah lazimnya mempunyai bilangan buku yang lebih terhad di rumah berbanding rakan sebaya daripada keluarga berpendapatan sederhana dan tinggi (OECD 2023, 2023; Kim et al., 2021). Menurut Pakar lagi:

*“Tapi murid yang Bukan B40 yang di mana ibu bapa berkemampuan untuk membeli buku, menambah bahan bacaan di perpustakaan di rumah, mereka ada tambahan bahan bacaan.” [Pakar 3]*

Pandangan pakar ini jelas menunjukkan bahawa jurang pemilikan buku dalam kalangan murid B40 berpunca daripada kekurangan akses kepada buku cerita dan bahan bacaan tambahan di rumah. Menurut Mahamod et al., (2021) kesamarataan akses pendidikan dapat memastikan PPPM 2013-2025 yang dibina dapat dicapai sepenuhnya. Oleh itu, terdapat keperluan menyediakan bahan bacaan yang dengan tahap kebolehbacaan murid dan relevan bagi memupuk budaya membaca di sekolah.

#### **4.4. Ketidaksesuaian kebolehbacaan bahan dengan tahap murid**

Dapatan temu bual mendapati terdapat ketidaksesuaian tahap kebolehbacaan bahan bacaan murid. Kekangan ini dilihat dalam aspek tahap kebolehbacaan, kosa kata, struktur ayat, ilustrasi, legibiliti dan bahasa. Menurut Pakar:

*“Ada buku bertulis dalam bahasa Melayu, tapi strukturnya lebih untuk pelajar menengah... terlalu sukar untuk Tahun 1 atau 2.” [Pakar 5]*

Menurut Pakar 5, walaupun bahan bacaan tersebut ditulis dalam bahasa Melayu, namun struktur ayat yang digunakan adalah kompleks untuk murid tahap satu. Dari segi struktur ayat, pakar berpendapat bahawa:

*“...kebanyakan buku tersebut menggunakan struktur ayat yang terlalu kompleks.” [Pakar 2]*

*“...menggunakan ayat panjang, banyak ayat majmuk dan konsep abstrak yang murid belum mampu fahami.” [Pakar 5]*

Pakar 2 dan Pakar 5 menyatakan bahawa banyak bahan bacaan yang digunakan di sekolah mengandungi struktur ayat yang kompleks untuk difahami oleh murid tahap rendah. Struktur ayat yang digunakan termasuklah ayat yang panjang, ayat majmuk dan mengandungi konsep abstrak yang berada di luar jangkauan kognitif murid. Struktur ayat penting dalam pembelajaran dan penghasilan bahan bacaan yang berkualiti (Sepri, 2021). Penggunaan ayat yang ringkas, perkataan yang sesuai, ayat aktif dan urutan ayat yang logik adalah elemen penting dalam memastikan kebolehbacaan dan kefahaman murid (Jones et

al., 2016; Mohammed & Husni, 2017; Sepri, 2021). Dari aspek kosa kata, Pakar menyatakan bahawa:

*"...kosa kata dan konteks dalam cerita itu sangat jauh daripada dunia murid kita." [Pakar 3]*

*"...bahan bacaan menggunakan istilah atau kosa kata yang tidak biasa digunakan dalam persekitaran harian murid." [Pakar 4]*

Pakar 3 menyatakan bahawa tahap kebolehbacaan bahan bacaan yang sedia ada tidak selari dengan latar belakang dan pengalaman sebenar murid. Tambahan pula, Pakar 4 menyatakan kosa kata yang terdapat dalam bahan bacaan adalah kosa kata yang tidak biasa digunakan oleh murid dalam persekitaran harian mereka. Oleh itu, kajian ini menekankan keperluan menyesuaikan tahap kebolehbacaan dari segi panjang ayat, kosa kata, serta kekangan tatabahasa dengan keupayaan sebenar murid B40. Selain itu, Pakar mencadangkan bahawa:

*"...perkataan yang biasa mungkin mereka faham kemudian minat mereka boleh meningkat." [Pakar 1]*

Pakar 1 mencadangkan pemilihan perkataan yang biasa digunakan oleh murid dalam kehidupan harian adalah penting. Bahan bacaan yang berkualiti perlu mempunyai variasi kosa kata yang mencukupi untuk memperkaya perbendaharaan kata murid (Handayani & Wirza, 2021; Kamarudin & Sugianto, 2020). Bagi elemen legibiliti dan ergonomik pula, pakar berpendapat bahawa:

*"...kena ada tulisan besar, kena ada suku kata berwarna, ada yang buku bergambar, buku yang budak suka dan sebagainya... kalau buku cerita yang kecil-kecil... yang cetakan pendek-pendek tu, tulisan yang kecil tu memang murid tak gemar" [Pakar 2]*

Seterusnya, Pakar 2 menyatakan bahawa murid tidak menggemari bahan bacaan yang mempunyai tulisan yang kecil. Dapatan ini menyokong Ngiam et al., (2019) dan (Pelli et al., 2006) yang menyatakan bahawa tulisan yang tidak sesuai akan membawa pengaruh yang negatif terhadap pembacaan. Kajian Wang et al. (2022) mencadangkan saiz tulisan yang digunakan mestilah bersesuaian dengan konteks sesebuah teks. Setiap jenis tulisan dalam sesebuah teks memberi implikasi terhadap pembacaan (Kessler & Treiman, 2015). Sehubungan itu, analisis keperluan ini membuktikan pembangunan bahan bacaan ini mengambil kira komponen dalam elemen legibiliti. Dari aspek bahasa pula, menurut pakar;

*"Bahasa yang digunakan dalam buku tersebut pula terlalu tinggi untuk tahap kefahaman murid rendah." [Pakar 1]*

*"...bahasa tinggi, tak sesuai untuk murid tahap rendah..." [Pakar 2]*

Temu bual bersama Pakar 1 dan Pakar 2 menunjukkan bahawa bahasa yang digunakan dalam kebanyakan bahan bacaan di sekolah adalah tinggi dan tidak sesuai dengan tahap kefahaman murid rendah. Penggunaan istilah yang abstrak, struktur ayat yang sukar dan serta kosa kata yang di luar lingkungan pengalaman murid menyebabkan mereka sukar

memahami teks yang dibaca. Dari aspek ilustrasi pula, dapatan temu bual pakar berpendapat bahawa:

*"...Tanpa sokongan gambar atau penjelasan tambahan, bahan itu menjadi membebankan kepada murid..." [Pakar 4]*

Pakar 4 menyatakan bahawa tanpa sokongan ilustrasi, bahan bacaan menjadi beban kognitif kepada murid apabila murid didedahkan. Walau bagaimanapun, buku yang mempunyai ilustrasi mampu menarik perhatian murid. Menurut Pakar:

*"Kalau murid sekolah rendah ni, dia memang tertarik dengan benda-benda yang ada elemen-elemen multimedia, bergambar..." [Pakar 2]*

*"Dia ada gambar dan buku jenis ni dia merupakan buku yang memang sangat popularlah dekat sekolah." [Pakar 3]*

Pandangan ini diperkukuh lagi oleh Pakar 2 yang menyatakan daya tarikan ilustrasi dan elemen multimedia kepada murid sekolah rendah. Pembacaan pada peringkat awal dilengkapi dengan ilustrasi yang membantu menerangkan sesebuah cerita mahupun perkataan baharu (Tessa Tyler Todd, 2021). Visual yang menarik dapat meningkatkan daya cerapan murid terhadap kandungan teks yang disampaikan (Zakaria & Janan, 2022).

#### 4.5. Motivasi Murid

Dapatan temu bual menunjukkan bahawa bahan bacaan yang tidak disesuaikan dengan tahap kebolehbacaan memberi kesan negatif terhadap perkembangan minat membaca. Menurut Pakar:

*"Kalau buku terlalu susah atau tak menarik, murid akan cepat bosan dan tinggalkan buku." [Pakar 1]*

*"Kalau kita beri yang terlalu sukar, murid hilang keyakinan dan terus tak minat nak baca lagi." [Pakar 3]*

*"...Kalau kita mula dengan bahan yang berat, dia akan fikir membaca itu membebankan. ...dan ini bunuh minat dia sendiri." [Pakar 4]*

Pakar 1 menyatakan bahawa tahap kesukaran kandungan yang terlalu sukar cenderung menyebabkan murid bosan dan berhenti membaca. Pandangan ini disokong oleh pakar 3 yang menyatakan bahawa bahan yang tidak sesuai dengan kemampuan boleh menjejaskan keyakinan diri dan menyebabkan mereka menjauhkan diri daripada aktiviti membaca. Manakala menurut Pakar 4, bahan bacaan yang terlalu berat sejak awal akan memberi persepsi negatif terhadap aktiviti membaca. Kegagalan memahami kandungan boleh menimbulkan rasa kecewa dan menurunkan motivasi intrinsik murid terhadap pembacaan. Selain itu, pakar juga berpendapat bahawa:

*"Ada murid minat baca cerita, tapi bila tak ada sambungan atau bahan susulan, minat dia hilang macam tu saja." [Pakar 2]*

*"...Murid tak faham langsung dan akhirnya tinggal saja." [Pakar 3]*

Pakar 2 menyatakan kesinambungan dalam bahan bacaan turut mempengaruhi minat membaca murid. Dapatan ini disokong oleh Pakar 4 yang menyatakan murid akan meninggalkan bahan bacaan tersebut jika mereka tidak faham kandungan cerita. Dapatan ini menunjukkan bahawa bahan bacaan yang tidak sesuai memberi kesan langsung terhadap minat membaca murid. Menurut Aisyah Sjahrony et al., (2017) bagi mencapai sesuatu objektif dalam pembelajaran, bahan bacaan memerlukan motivasi yang baik agar dapat menarik perhatian murid untuk mempelajari bahasa tersebut dengan baik.

#### 4.6 Keperluan bahan bacaan alternatif untuk murid B40

Pembangunan bahan bacaan dengan tahap kebolehbacaan yang sesuai merupakan sebagai satu bahan bacaan alternatif untuk meluaskan bahan bacaan murid B40. Menurut Pakar:

*"...usaha ni merupakan usaha yang bagus lah untuk meningkatkan, membantu murid B40." [Pakar 2]*

Pernyataan ini menunjukkan bahawa pembangunan bahan bacaan yang sesuai dengan tahap kebolehbacaan murid merupakan inisiatif yang memfokuskan kepada peningkatan akses dan ketersediaan bahan bacaan untuk murid B40. Pandangan ini diperkukuh oleh Pakar 3 yang menyatakan bahawa:

*"dari segi bantuan bacaan ni secara tak langsung boleh memberi kesan jangka panjang kepada murid B40 tu. Jadi, usaha untuk memfokuskan kepada golongan B40 ni... arr... merupakan satu alternatif lah." [Pakar 3]*

Pandangan Pakar 3 menunjukkan bahawa penyediaan bahan bacaan alternatif bukan sekadar penyelesaian sementara, tetapi strategi penting yang boleh membawa kepada impak positif yang berpanjangan. Oleh itu, perancangan pembangunan bahan bacaan khusus untuk kumpulan ini adalah satu pendekatan yang strategik dan memberi tumpuan kepada pembangunan holistik murid. Menurut Pakar 3 lagi:

*"Perancangan yang khusus. Kemudian dari segi kandungan, sasaran bagaimana buku ni akan diaplikasi kepada murid B40 tu dan sebagainya." [Pakar3]*

Menurut Pakar 3, inisiatif bahan bacaan alternatif tidak hanya bergantung kepada penyediaan bahan, tetapi juga pada perancangan yang teliti. Perancangan ini perlu merangkumi elemen seperti penentuan kandungan yang sesuai, pemilihan kaedah sasaran yang berkesan dan strategi aplikasi buku tersebut agar selari dengan keperluan dan konteks murid B40. Isu kebolehcapaian, kekurangan kepelbagaian dalam industri penerbitan, kekangan sumber dan kewangan di peringkat organisasi, serta cabaran terhadap buku dan kurikulum di peringkat tempatan, negeri dan kebangsaan terus memburukkan lagi jurang ketidaksamaratan ini (First Book Research & Insight, 2023). Oleh itu, pembangunan bahan bacaan yang berkualiti, bergred dan mudah diakses di peringkat sekolah rendah merupakan satu inisiatif bagi memastikan peluang pembacaan yang adil kepada semua murid khususnya murid dalam kalangan B40.

## 5. Kesimpulan

Dapatan analisis keperluan ini mengesahkan bahawa terdapat keperluan pembangunan bahan bacaan dengan tahap kebolehbacaan yang sesuai dengan murid B40. Melalui kecenderungan pakar, kesepakatan ini membuktikan terdapat persetujuan yang tinggi dalam kalangan pakar terhadap pembangunan bahan bacaan dengan tahap kebolehbacaan yang terancang dan sesuai dengan tahap murid B40 sekolah rendah. Pakar menegaskan bahawa bahan bacaan sedia ada masih belum memenuhi keperluan murid dari segi kebolehbacaan, khususnya melibatkan legibiliti, struktur ayat, ilustrasi, pemilihan kosa kata dan aras kesukaran teks. Selain itu, dapatan memperlihatkan wujud ketidakseimbangan akses dan jurang pemilikan bahan bacaan antara murid B40 dan bukan B40 yang memberi implikasi langsung terhadap peluang pendedahan bacaan dan perkembangan literasi murid. Oleh itu, terdapat keperluan yang jelas untuk membangunkan dan menyediakan bahan bacaan yang mudah diakses, disusun secara bergred dan bersesuaian dengan keupayaan murid bagi merapatkan jurang literasi yang wujud.

### **Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)**

Penyelidikan ini mematuhi Garis Panduan Etika Penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Pendidikan Sultan Idris (RIMC, UPSI). Selain itu, penyelidik telah mendapat kebenaran menjalankan penyelidikan daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia (EPRD).

### **Penghargaan (*Acknowledgement*)**

Penyelidikan ini menerima tajaan daripada Fundamental Research Grant Scheme (FRGS/1/2019/SSI09/UPSI/02/9) yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Penyelidik merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada UPSI atas pengurusan geran tersebut. Penghargaan terima kasih juga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan penyelidikan ini.

### **Kewangan (*Funding*)**

Penyelidikan ini menerima tajaan daripada Fundamental Research Grant Scheme (FRGS/1/2019/SSI09/UPSI/02/9) yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Penyelidik merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada UPSI atas pengurusan geran tersebut. Penghargaan terima kasih juga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan penyelidikan ini.

### **Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)**

Tiada unsur konflik kepentingan dalam penyelidikan ini.

## Rujukan

- Aisyah Sjahrony, Maimun Aqsha Lubis & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2017). Kepentingan Kebolehbacaan Buku Teks Dalam Dunia Pendidikan. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 1(1), 25–40.
- An-Vinh Luong, Diep Nguyen, Dien Dinh & Thuy Bui. (2020). Assessing Vietnamese Text Readability using Multi-Level Linguistic Features. *International Journal of Advanced Computer Science and Applications (IJACSA)*, 11(8). <http://dx.doi.org/10.14569/IJACSA.2020.0110814>
- Anderson, R. C., & Pearson, P. D. (1984). A schema-theoretic view of basic processes in reading comprehension. In P. D. Pearson, R. Barr, M. L. Kamil, & P. Mosenthal (Eds), *Handbook of reading research* (pp. 255-291). New York: Longman, Inc.
- Anggraini, D. A., Ekawati, R., Arifin, S., Kuswandi, D., & Ramli, M. (2025). Declining Interest in Reading in Elementary School Students: An Analysis of Inhibiting Factors and Their Impact on Learning Achievement. *Eduvest - Journal of Universal Studies*, 5(6), 6445–6463. <https://doi.org/10.59188/eduvest.v5i6.50197>
- Carrell, P. L., & Eisterhold, J. C. (1983). Schema Theory and ESL Reading Pedagogy. *TESOL Quarterly*, 17(4), 553. <https://doi.org/10.2307/3586613>
- Cassidy, J., Ortlieb, E., & Grote-Garcia, S. (2016). Beyond the Common Core: Examining 20 Years of Literacy Priorities and Their Impact on Struggling Readers. *Literacy Research and Instruction*, 55(2), 91–104. <https://doi.org/10.1080/19388071.2015.1136011>
- Chong, W.Y., Lee, C.L. & Goh, P.S. (2022). Cabaran guru dalam pelaksanaan pendekatan tematik di sekolah rendah vernakular. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 47(1), 50-63.
- Dahlia Janan, Mohammad Hafiz Mohammad Tarmizi, Punaji Setyosari, Norliza Jamaluddin, Siti Saniah Abu Bakar & Lin Chia Ying. (2024). Model Of Teaching Malay Language To Non-Native And Foreign Speaker. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 21(1), 1–38. <https://doi.org/10.32890/mjli2024.21.1.1>
- Denis G. Pelli, Catherine W. Burns, Bart Farell, Deborah C. Moore-Page. (2006). Feature detection and letter Identification. *Vision Research*, 46(28), 4646–4674. <https://doi.org/10.1016/j.visres.2006.04.023>
- First Book Research & Insight. (2023). *The Impact of a Diverse Classroom Library*. <https://firstbook.org/wp-content/uploads/2023/09/2023-Impact-of-a-Diverse-Classroom-Library-FINAL-9-6-23.pdf>
- Guest G, Namey E, Chen M. (2020). A simple method to assess and report thematic saturation in qualitative research. *PLoS ONE* 15(5): e0232076. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0232076>
- Handayani, G. M., & Wirza, Y. (2021). An Analysis on Language Content and Readability Level of Primary English Textbook. *Advances in Social Science, Education and Humanities Research, volume 546*. <https://doi.org/10.2991/assehr.k.210427.031>
- Hendra Adipta, Maryaeni & Muakibatul Hasanah. (2016). Pemanfaatan Buku Cerita Bergambar sebagai Sumber Bacaan Siswa SD. *Jurnal Pendidikan: Teori, Penelitian, dan Pengembangan*, 1(5), 989–992.
- Janan, D., & Wray, D. (2014). Reassessing the Accuracy and Use of Readability Formulae. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, Vol. 11(2014), 127-145. <https://doi.org/10.32890/mjli.11.2014.7668>
- Jayaganes Balanadam & Khairul Azhar Jamaluddin. (2021). Isu dan Cabaran Dalam Kemahiran Membaca Dikalangan Murid Sekolah Rendah di Malaysia. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(4), 127-135.

- Kamarudin, K., & Sugianto, N. (2020). A Readability Level of Reading Materials for Vocational High School Students in Lombok, NTB. *Jurnal Paedagogy*, 7(4), 265. <https://doi.org/10.33394/jp.v7i4.2852>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021). Laporan tahunan KPM 2021. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kessler, B., & Treiman, R. (2015). Writing Systems: Their Properties and Implications for Reading. In *The Oxford Handbook of Reading* (pp. 10–25). Oxford University Press. <https://doi.org/10.1093/oxfordhb/9780199324576.013.1>
- Kim, Y.-S. G., Quinn, J. M., & Petscher, Y. (2021). What is text reading fluency and is it a predictor or an outcome of reading comprehension? A longitudinal investigation. *Developmental Psychology*, 57(5), 718–732. <https://doi.org/10.1037/dev0001167>
- Lori D. Patton, Kristen A. Renn, F. M. G., & Stephen John Quaye. (2016). *Student Development in College. Theory, Research, and Practice* (Third Edition). Jossey-Bass A Wiley Brand.
- Mahamod, Z., Mazlan, R. M., Amin, N., & Abd. Rahman, M. Z. (2021). Tahap Penguasaan Kemahiran Membaca dan Menulis Murid-Murid B40 dalam Pembelajaran Bahasa Melayu. *Pendeta Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(1), 40–62. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.1.4.2021>
- Makhroji, M., Rahmiati, R., Chairuddin, C., & Isda, I. D. (2023). Development of E-Module Based on Flip Book Media to Improve Students' Speaking Skills. *Jurnal Kependidikan: Jurnal Hasil Penelitian dan Kajian Kepustakaan di Bidang Pendidikan, Pengajaran dan Pembelajaran*, 9(4), 1270. <https://doi.org/10.33394/jk.v9i4.8999>
- Mohamad Faris Ismail & Nik Mohd Rahimi Nik Yusof. (2024). Tahap Kebolehbacaan Buku Teks Bahasa Arab Tingkatan 4 (KSSM) Berasaskan Formula Kebolehbacaan Flesch-Kincaid Grade Level. *E-Prosiding Seminar Antarabangsa Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa ISeLT 2024*. (Hlmn. 46-51). Universiti Kebangsaan Malaysia. <https://www.ukm.my/citra/wp-content/uploads/2024/11/eProceeding-ISeLT2024-09112024-resize.pdf>
- Muhammad Firdaus Mohd Sedek, Amiruniza Kamil & Yii Sing Hui. (2025). Strategi, Cabaran dan Kaedah Mengatasi Pelaksanaan Pendekatan Tematik dalam Pengajaran Guru Bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 15(2), 89-107. <https://journalarticle.ukm.my/25969/2/2.pdf>
- Ngiam, W. X. Q., Khaw, K. L. C., Holcombe, A. O., & Goodbourn, P. T. (2019). Visual working memory for letters varies with familiarity but not complexity. *Journal of Experimental Psychology: Learning, Memory, and Cognition*, 45(10), 1761–1775. <https://doi.org/10.1037/xlm0000682>
- Nur Anis Syafiqa Zulkefli, Fazal Mohamed Mohamed Sulta, Muhammad Asytar Noor Ropiah & Nur Faqihah Hanim Muhamed Sanari. (2024). Kebolehbacaan Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Orang Asli Negrito Suku Kintak. *Jurnal Linguistik*, 28(1), 050–061.
- OECD. (2023). *Education at a Glance 2023: OECD Indicators*. OECD Publishing. <https://doi.org/10.1787/e13bef63-en>
- Paton-Ash, M., & Wilmot, D. (2015). Issues and challenges facing school libraries in selected primary schools in Gauteng Province, South Africa. *South African Journal of Education*, 35(1), 1–10. <https://doi.org/10.15700/201503062342>
- Rathaneswaary Derbala & Ruhizan M. Yasin. (2022). Tahap Pengetahuan, Penerimaan, Kesediaan dan Amalan Pengajaran Guru Pemulihan Khas Terhadap Pengajaran Terbeza. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(4), e001445. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i4.1445>

- Reese, E., Suggate, S., Long, J., & Schaughency, E. (2010). Children's oral narrative and reading skills in the first 3 years of reading instruction. *Reading and Writing*, 23(6), 627–644. <https://doi.org/10.1007/s11145-009-9175-9>
- Richard L. Allington & Anne M. McGill-Franzen. (2021). Reading Volume and Reading Achievement: A Review of Recent Research. *Reading Research Quarterly*, 56(S1), S231–S238. <https://doi.org/10.1002/rrq.404>
- Richey, R. C. & Klien, J.D. (2007). *Design and development research: Methods, strategies, and issue*. Mahwah, New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates Publisher.
- Rokhmansyah, A., Nuryatin, A., Supriyanto, T., & Setyaningsih, N. H. (2021). Evaluation of reading materials for students in schools. *Cypriot Journal of Educational Sciences*, 16(3), 1097–1105. <https://doi.org/10.18844/CJES.V16I3.5828>
- Saedah Siraj, Muhd Ridhuan Tony Lim Abdullah & Rozaini Muhd Rozkee. (2020). *Pendekatan penyelidikan reka bentuk dan pembangunan: Aplikasi kepada penyelidikan Pendidikan*. Tanjong Malim: Nur Niaga Sdn. Bhd.
- Schmitt, N., & Schmitt, D. (2020). *Vocabulary in Language Teaching*. Cambridge University Press. <https://doi.org/10.1017/9781108569057>
- Sepri, S. (2021). The Influence of Students' Understanding of Sentence Pattern and Vocabulary Mastery on Their Reading Comprehension at The First Year of State Vocational Senior High School 1 Logas Tanah Darat Kuantan Singingi Regency. *Journal of Education and Teaching*, 2(1), 8-21. <https://doi.org/10.24014/jete.v2i1.8340>
- Shafie, Z., Omar, N. E., & Abd Rahman, N. D. (2013). Memaksimumkan Pengguna Pusat Sumber Sekolah (PSS) Sebagai Agen Kecemerlangan Akademik. *Jurnal Peradaban Informasi dan Ilmu*, 2, 69–78.
- Tamam Timbang, Zamri Mahamod & Afendi Hamat. (2011). Faktor dan Kesan Masalah Membaca dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah Kerajaan di Brunei Darussalam. *Malay Language Education Journal (MyLEJ)*, 89–7. <https://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/article/view/24>
- Tessa Tyler Todd. (2021). *The Future of Primary School Libraries*. National Literacy Trust.
- United Nations Department of Economic and Social Affairs. (2025). *The Sustainable Development Goals Report 2025* (Lianne M. C. Beltran, Ed.). United Nations. <https://unstats.un.org/sdgs/report/2025/The-Sustainable-Development-Goals-Report-2025.pdf>
- Wang, X., Zhang, H., He, M., Liu, Y., Zhang, L. (2022). The Influence of Font Size, Contrast, and Weight on Text Legibility for Wearable Devices. In: Harris, D., Li, WC. (eds) *Engineering Psychology and Cognitive Ergonomics. HCII 2022*. Lecture Notes in Computer Science, vol 13307. Springer, Cham. [https://doi.org/10.1007/978-3-031-06086-1\\_10](https://doi.org/10.1007/978-3-031-06086-1_10)
- Zakaria, M. M., & Janan, D. (2022). Penggunaan Buku Teks dan Penerimaan Ilustrasi dalam Kalangan Guru dan Murid: Pendekatan Kualitatif dan Kuantitatif. *Journal of Research, Policy & Practice of Teachers & Teacher Education*, 12(1), 80–98. <https://doi.org/10.37134/jrpptte.vol12.1.6.2022>
- Zulazhan Ab. Halim, Mohd Hazli Yah@Alias, Mohd Ala'uddin Othman, Shuhaida Hanim Mohamad Suhane & Abdul Wahid Salleh. (2017). The Readability of Arabic Texts in Malaysia: A Need for a Suitable Measurement Instrument. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(6). <https://doi.org/10.6007/IJARBSS/v7-i6/3199>